

KOD ETIKA MENGENAI PENGAMBILAN SEMULA

- i) Seboleh-bolehnya, jumlah pengambilan semula hak milik yang dibenarkan hendaklah kecil melainkan keadaan memerlukan bantuan tambahan.
- ii) Pengambilan semula hak milik hanya boleh memasuki kawasan tempat tinggal (premis) dengan pengetahuan dan kebenaran penghuni.
- iii) Pengambilan semula hak milik hendaklah bersopan dan berpakaian kemas. Mereka harus mengekalkan tahap profesionalisme dan kewibawaan dalam menjalankan tugas mereka.
- iv) Penggunaan taktik ganas (kekasaran) dalam apa jua bentuk adalah dilarang semasa menjalankan tugas mereka.
- v) Semasa mengambil semula milik, pengambilan semula hak milik dimestikan mengemukakan notis kepada penyewa dan memaklumkan perkara-perkara berikut:
 - a. Alamat dan nombor telefon syarikat kewangan dan pegawai yang diberi kuasa untuk dihubungi segera bagi menyelesaikan apa-apa masalah.
 - b. Pengambilan semula hak milik sesebuah kenderaan perlu memberi masa yang berpatutan kepada penyewa untuk memeriksa kenderaan dan mengeluarkan barang-barang kepunyaannya.
- vi) Seboleh-sebolehnya, pengambilan semula hak milik hendaklah dijalankan di hadapan penyewa atau sesiapa yang dibenarkan membawa kenderaan tersebut.
- vii) Pengambilan semula hak milik hendaklah pada bila-bila masa mengambil tindakan mengikut undang-undang dan peraturan yang sedia terpakai.
- viii) Semua pengambilan semula hak milik perlu diberi salinan dan diberi taklimat mengenai Kod Etika Pengambilan Semula Hak milik ini oleh syarikat yang memberi pinjaman dan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan. Mereka perlu juga mematuhi mana-mana Kod Etika yang diperkenalkan dari masa ke semasa oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Sewa Beli Malaysia, Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.